

# Penebang balak perlu lesen

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bharian.com.my

## Jabatan Perhutanan Pahang wajibkan kad terlatih untuk pekerja

**K**UANTAN: Jabatan Perhutanan Pahang akan menguatkuasakan peraturan mewajibkan mereka yang bekerja sebagai penebang balak memiliki lesen atau kad terlatih bertujuan mengurangkan kerosakan pokok bersaiz kecil terutama di hutan simpan.

Pengarahnya, Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman, berkata peraturan berkenaan akan dilaksanakan secara berperingkat bagi mengelak sebarang masalah kepada syarikat pembalakan.

Beliau berkata, setakat ini, ada lebih 30 syarikat pembalakan dan masing-masing memiliki antara 10 hingga 15 penebang balak berpengalaman.

"Pengalaman saja tidak menjamin seseorang itu mahir dan cekap dari segi mendapatkan sudut menebang pokok secara berarah yang dapat mengelak kerosakan pada pokok lain.

"Selain kemahiran menebang kecekapan menentukan arah pokok tumbang terutama di kawasan berbukit juga dianggap penting," katanya pada majlis perasmian penutupan dan penyampaian Sijil Tamat Kursus Teknik Tebangan Pokok Secara Berarah 2010 di Pusat Latihan Pembangunan Hutan (PLPH) Belimbing, di sini,



MOHD PAIZ (kiri) menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta Kursus Teknik Tebangan Pokok Secara Berarah di Pusat Latihan Pembangunan Hutan Belimbing, Kuantan.

Turut hadir Pengetua PLPH Belimbing, Rosilan Said dan Pengetua Pusat Latihan Perhutanan Terengganu (PLPT), Mohd Najib Hashim.

Seramai 22 penebang balak menyertai kursus tiga hari berkenaan yang dianjurkan jabatan itu dengan kerjasama

### FAKTA NOMBOR

22

orang

Penebang balak sertai kursus

ma Unit Latihan Bergerak PLPT.

Paiz berkata, lesen atau kad terlatih hanya dikeluarkan unit latihan bergerak PLPT selepas mereka yang terbabit mengikuti kursus yang adakan secara teori dan praktikal.

Beliau berkata, aktiviti menebang pokok balak yang dilakukan tidak mengikuti peraturan ditetapkan akan memberi kesan kepada usaha JPWP mendapatkan sijil pengurusan hutan sebagai syarat memasarkan balak ke pasaran antarabangsa.